

# ARIZ AJAIB


➤ Meskipun mengalami gangguan spektrum autisme (ASD), perkembangan Ariz Safiyy Mohd Azlis amat mengagumkan. Pada usia setahun, dia sudah kenal huruf dan pada umur dua tahun sudah mula membaca. Kini, Ariz Safiyy berkebolehan dalam bahasa Russia, Poland, Jerman dan Sepanyol serta Inggeris, lapor Suraya Roslan dan Mahaizura Abd Malik

> 10&11



Budak  
autisme  
kuasai 5  
bahasa asing

DR Mohd Azlis menunjukkan karya abjad Ariz Safyy.



Suraya Roslan dan Mahaizura Abd Malik am@hmetro.com.my

bercakap sama satu perkataan saja seperti mama.

"Dia mula mengeja ketika dua tahun setengah apabila mahukan apa-apa, kami pelik ingatkan dia mempunyai masalah kecelaruan bahasa rupanya selepas didiagnosis barulah kami tahu dia ada autisme," katanya.

Menurutnya, Ariz Safyy sejak lima tahun gemar berinteraksi dengan ahli keluarga menggunakan bahasa Inggeris walaupun mereka sekeluarga jarang menggunakan bahasa itu. "Kami pereranjat apabila dia boleh guna perkataan tahap tinggi pada usianya yang masih lima tahun serta mampu membezakan sebutan setiap perkataan dengan betul."

"Biasanya apa yang dia cakap memang tatabahasanya tepat, malah kalau kami salah sekalipun kerana kerap menggunakan bahasa pasar, dia pasti membetulkannya," katanya. Katanya, selepas itu Ariz Safyy memintanya

METRO



ARIZ Safyy bersama ahli keluarganya.

# ARIZ SAFIYY TERISTIMEWA

**Kanak-kanak hidap autisme gemar berinteraksi dengan keluarga guna bahasa Inggeris sejak berusia lima tahun**

**Kami terperanjat apabila dia boleh guna perkataan tahap tinggi pada usia lima tahun serta mampu membezakan sebutan setiap perkataan dengan betul!**

Dr Mohd Azlis Sani

memuat naik sebuah perisian animasi kerana sudah bosan dengan abjad sedia ada hingga mampu menghasilkan 250 simulasi abjad animasi dalam tempoh dua tahun.

"Kami terpaksa hadkan aktiviti saya itu dan buat jadual kerana jika tidak dia akan duduk depan komputer mereka bentuk bermacam-macam abjad animasi menggunakan perisian itu.

"Kami tak sangka daripada situ sedikit demi sedikit minatnya mula bercambah daripada hanya berbahasa Inggeris kepada mengenali abjad, ayat dan sekarang cuba mempertingkatkan perbendaharaan kata dalam bahasa Russia, Sepanyol, Jerman dan Poland.

"Dia tertarik belajar bahasa berkenaan kerana abjadnya mempunyai bentuk berbeza," katanya.

Dr Mohd Azlis Sani yang juga pensyarah di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) itu mengakui kerap berlaku konflik apabila Ariz Safyy menggunakan bahasa asing selain bahasa Inggeris dalam pertuturan seharian di rumah.

"Sekarang sejak dia mula berjinak-jinak dengan bahasa asing lain setahun lalu, dia kerap menggunakan bahasa berkenaan dalam rumah

sampaikan kami celaru kerana dia bercakap secara spontan walaupun hanya ingin meminta sesuatu.

"Kadang-kadang memang jadi konflik juga dan biasanya dia mudah rasa tertekan kerana kami tak faham apa yang diperkatakannya dalam bahasa asing itu.

"Jadi untuk memudahkan semua, kami meminta dia terjemahkan dalam bahasa Inggeris, malah kami juga secara tidak langsung turut belajar bahasa asing lain dan biasanya kami menggunakan terjemahan dalam Google," katanya.

Menurutnya, pelbagai cabaran dihadapi apabila berdepan dengan anak istimewa, namun tidak pernah mematahkan semangat mereka membesarkan Ariz Safyy seperti kanak-kanak seusianya.

"Kini, saya amat

bersyukur dikurniakan anak istimewa seperti Ariz Safyy kerana dia mengajari kami banyak perkara baru termasuk mendidik kami bersabar dengan karenahnya, belajar bahasa baru serta cara menguruskan anak autisme dan terapi sendiri di rumah," katanya yang aktif menyertai pelbagai kumpulan sokongan untuk anak istimewa termasuk memperkasakan ibu bapa.

Menurutnya, mereka kini berusaha mencari kelas bahasa supaya Ariz Safyy dapat mengembangkan kemahirannya itu dengan pembelajaran formal. "Saya tahu suatu hari nanti, dia boleh jadi seperti Datuk Mahadzir Lokman yang tahu banyak bahasa atau mungkin dia boleh gunakan bakat dia ini untuk mendapatkan pekerjaan sesuai seperti jurubahasa atau sebagainya," katanya.

## Kuala Lumpur

Usianya baru lapan tahun, tetapi uniknya Ariz Safyy yang mengalami gangguan spektrum autisme (ASD) berkebolehan dalam empat bahasa asing termasuk Russia, Poland, Jerman dan Sepanyol selain mahir berbahasa Inggeris.

Anak bongsu kepada pasangan Dr Mohd Azlis Sani Md Jalil, 40, dan Nor Hamisah Mohamed Nor, 41, yang menetap di Batu Pahat, Johor itu mempunyai kelebihan berkenaan sejak lebih setahun lalu selepas obses dengan abjad.

Menurut Dr Mohd Azlis Sani, mereka menyedari anak istimewa berkenaan mempunyai kecenderungan minat terhadap abjad sejak usianya dua tahun.

"Umur dia setahun tiga bulan dia sudah kenal ABC dan dua tahun sudah mula membaca tetapi tak